

27 JAN 2002

DR MAHATHIR TINJAU PROJEK PEMBANGUNAN DI LANGKAWI

LANGKAWI, 27 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk melakukan lawatan rasmi sehari.

Ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat disambut oleh Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan orang kenamaan tempatan yang lain.

Perdana Menteri kemudian melawat projek kereta kabel berharga RM45 juta di Burau Bay, sebuah projek usaha sama antara Dopple-Mayer dari Austria dan sebuah syarikat tempatan. Projek itu kini sudah 70 peratus siap.

Dijadualkan mula beroperasi April ini, projek itu akan menghubungkan Oriental Village, sebuah kompleks membeli-belah dengan Gunung Machinchang yang setinggi 700 meter.

Perdana Menteri juga dijadual melawat limbungan kapal layar di Tanjung Lembung, di sini dan melepaskan perlumbaan akhir Kejohanan Rotax Max Kart Langkawi di litar Go-Kart Antarabangsa Morac di Pantai Chenang.

Empat pelumba Malaysia -- Mohamad Ferhan Fauzy, Raja Razman Raja Idris, Rodney Francis Magness dan Bob Ngaau -- adalah antara 34 pelumba yang berjaya memasuki peringkat akhir perlumbaan ini.

Pada tengah hari pula, Dr Mahathir dijadual menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan Langkawi Ironman Malaysia di Dataran Lang.

-- BERNAMA

NH/MAN JK SP RON